



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-151 BIL.25/2024

FASA 2 : PERMOHONAN RAYUAN PELAJAR PRASISWAZAH LUAR KAMPUS BAGI PENEMPATAN DI RESIDEN PELAJAR SESI 2024/2025

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saudara/i,

1. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan rayuan pelajar prasiswazah luar kampus bagi penempatan di residen pelajar Pekan dan Gambang Sesi 2024/2025 dibuka mulai **21 Oktober 2024 ~ 25 Oktober 2024**.
2. Pelajar luar kampus yang ingin memohon rayuan asrama bagi Sesi 2024/2025 hendaklah mengisi link di bawah bagi tujuan saringan oleh pihak pengurusan residen pelajar. Kekosongan penempatan di Kampus Pekan buat masa ini adalah di asrama **DHUAM**. Manakala di Kampus Gambang tertakluk kepada kekosongan yang ada di mana-mana residen pelajar di Gambang. Pertimbangan kelulusan juga adalah berdasarkan kriteria keutamaan seperti pelajar aktif, masalah kesihatan dan lain-lain.

Pautan permohonan : [Permohonan Rayuan Kemasukan Pelajar Luar Kampus ke Residen Pelajar Paya Besar dan Pekan \(google.com\)](#)

3. Keputusan rayuan akan di email menggunakan email UMPSA pelajar. Pelajar yang berjaya boleh terus *walk-in* ke Pejabat Residen Pelajar Pekan atau Residen Pelajar Gambang selepas mengisi pautan di atas untuk proses daftar masuk penginapan pada waktu pejabat (8.30 pagi – 12.30 tengahari & 2.30 – 4.30 petang).
4. Sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke Pejabat Residen Pelajar atau emelkan sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas ke residen@umpsa.edu.my.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

Disediakan oleh,
Pusat Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
21 Oktober 2024